

13/12/1998

Pemuda jangan bodek

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno diingatkan supaya tidak menjadi tukang ampu atau kaki bodek, sebaliknya bebas mengkritik pucuk pimpinan parti demi kebaikan bersama.

Bagaimanapun, menurut Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, kritikan dan rasa tidak puas hati itu perlu disampaikan menerusi saluran dan sistem yang betul bagi mengelak sebarang masalah.

Ini kerana, katanya, pucuk pimpinan parti adalah satu institusi yang mesti sentiasa dihormati dan dianggap bapa kepada pergerakan itu.

"Pemuda adalah benteng dan juga perisai parti. Mereka perlu mempertahankan pucuk pimpinan dalam apa jua keadaan sekalipun. Jangan mudah menentang pucuk pimpinan, sebaliknya perlu menjadikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai bapa.

"Tetapi ini tidak bermakna Pemuda tidak boleh mengkritik parti atau menjadi kaki bodek, sebaliknya boleh berbuat demikian dengan syarat mengikut saluran yang betul," katanya menyampaikan ucapan mewakili Presiden Umno di Forum Perdana anjuran Pergerakan Pemuda Umno di sini, semalam.

(END)